



Contoh Senarai Semak Permohonan **KEBENARAN MERANCANG** Bagi Susunatur

1.0 Dokumen

- ☞ Satu (1) Salinan Borang A Kaedah 2(1) KKPP (AM) (Pindaan) 2004.
- ☞ Satu (1) salinan Borang Perkiraan Fee KM.
- ☞ Bayaran Fee Permohonan, *(CEK / TUNAI) no. resit
- ☞ Satu (1) Salinan Hakmilik tanah
- ☞ Satu (1) Salinan Pelan Akui terkini daripada JUPEM
- ☞ Power of Attorney (P) jika permohonan bukan tuan tanah
- ☞ Surat Lantikan Perunding
- ☞ Empat (4) keping gambar tapak dari sudut yang berbeza.
- ☞ Salinan gambar tapak dalam bentuk digital (disket / cd)
- ☞ Persetujuan tuan tanah yang melibatkan laluan sah infrastruktur dan utiliti dari tapak ke jalan keluar / masuk utama dan disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.



2.0 Pelan Kebenaran Merancang

- ☞ Sepuluh (10) salinan pelan KM seperti mana format yang dibenarkan dan disediakan oleh ;
 - a. Kurang 2.0 hektar : Jurukur /Jururancang Bandar
 - b. Lebih 2.0 hektar : Jururancang Bandar
- ☞ Satu (1) salinan pelan dalam bentuk digital (disket/cd)
- ☞ Satu (1) salinan pelan ukur keliling yang mengandungi ; (jika bentuk rupabumi lot mempunyai ketinggian aras lebih 3 meter)
 - a. Pelan kontur
 - b. Pelan susunatur yang di lukis di atas garisan kontur
 - c. Keadaan sediada di atas lot
 - d. Keadaan sediada di lot sebelah
 - e. Lokasi dan jenis pokok yang lilitannya melebihi 0.8 meter.

Peringatan :

Keadaan sediada di sekeliling lot dan di atas lot cadangan perlu ditunjukkan seperti bangunan, jalanraya, sungai/parit dan lain-lain.

3.0 Dokumen Laporan

- ☞ Empat (4) salinan Laporan Cadangan Pemajuan (LCP) yang disediakan oleh Jururancang Bandar bertauliah. (bagi kawasan pembangunan yang melebihi 2.0 hektar dan LCP hendaklah sebagaimana format yang digariskan dalam Garis Panduan Penyediaan LCP yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancang Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia)
- ☞ Empat (4) salinan Laporan Pembangunan Projek (LPP) yang disediakan oleh Jurukur atau yang bertauliah. (Bagi kawasan yang kurang dari 2.0 hektar dan mempunyai kawasan fizikal berbukit /cerun / tanah paya yang melibatkan kerja-kerja penambunan dan pemotongan tanah. Laporan hendaklah mengandungi kandungan ringkasan pembangunan dan profil kepada kaedah pemuliharaan, penambunan dan pemotongan fizikal tapak sebelum dan selepas.)



4.0 Pelan Untuk Teknikal

- ☞ Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu (> 30 Unit)
- ☞ Jabatan Perkhidmatan Pembetulan Wilayah Timur (>30 unit) Pejabat Tanah Kemaman
- ☞ Jabatan Kerja Raya, Kemaman.
- ☞ Jabatan Pengairan dan Saliran, Kemaman.
- ☞ Tenaga Nasional Berhad, Kemaman.
- ☞ Jabatan Alam Sekitar Negeri Terengganu (jika perlu)
- ☞ Unit Perancang Ekonomi Negeri Terengganu (UPEN) (jika perlu)
- ☞ Jabatan Bekalan Air Negeri Terengganu (jika perlu)
- ☞ Jabatan Kejuruteraan, MPK
- ☞ Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, MPK
- ☞ Jabatan Kesihatan dan Alam Sekitar, MPK



Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi:

Jabatan Perancangan Bandar
Majlis Perbandaran Kemaman
Jalan Air Putih, 24000 Kemaman
Terengganu Darul Iman

☎ 09-8597777/8597700

☎ 09-8595455

www.mpk.terengganu.gov.my



M k e b e n a r a n M e r a n c a n g



Jabatan Perancangan Bandar

Majlis Perbandaran Kemaman

❧ Apa Itu **KEBENARAN MERANCANG**

1. Kebenaran Merancang (KM) ialah kebenaran atau kelulusan yang diperlukan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (Majlis Perbandaran Kemaman) sebelum sesuatu pemajuan atau pembangunan yang boleh dijalankan.



2. "Pembangunan" bermakna menjalankan apa-apa kerja bangunan, kejuruteraan perlombongan, perindustrian, membuat perubahan matan dalam penggunaan tanah atau bangunan, memecah sempadan dan cantuman tanah.

3. Sesuatu pemajuan atau pembangunan tidak boleh dijalankan secara terus setelah mendapat kelulusan Kebenaran Merancang, kerana pemohon masih memerlukan kelulusan-kelulusan lain sebagaimana berikut :-

- Kelulusan Pelan Bangunan di bawah Akta (133) Jalan, Parit dan Bangunan (Majlis Perbandaran Kemaman)
- Kelulusan Pelan Pecahan Sempadan/ Bahagian, Serah Balik dan Milikan Semula Cantuman Tanah (Pejabat Tanah)
- Kelulusan Lesen Menjalankan Aktiviti Perniagaan, Papan Iklan (Majlis Perbandaran Kemaman)
- Tukar syarat/ pecah sempadan serentak.



❧ Mengapa **KEBENARAN MERANCANG** Diperlukan

- ❧ KM diperlukan untuk mengawal perancangan pembangunan yang akan dilakukan dalam kawasan MPK.
- ❧ Merancang penggunaan aktiviti gunatanah mengikut gunatanah RTDK yang telah diwartakan.
- ❧ Mengatur pembangunan yang akan dilakukan dalam kawasan MPK.

❧ Permohonan Yang Memerlukan **KEBENARAN MERANCANG**

- ❧ Pemajuan yang melibatkan elemen memecah bahagi tanah seperti pecahan sempadan, pecah bahagian, tukar syarat dan pecah sempadan serentak, cantuman tanah, serahan balik dan bermilikan semula.
- ❧ Pemajuan yang melibatkan susunatur pembangunan.
- ❧ Pemajuan yang melibatkan mendirikan bangunan di atas tanah yang belum dipecah bahagi.
- ❧ Mendirikan bangunan yang melebihi 4 unit di atas plot / pecahan yang belum mempunyai kelulusan kebenaran merancang terdahulu.
- ❧ Semua aktiviti mendirikan bangunan di atas lot yang telah diluluskan kebenaran merancang yang tidak dinyatakan perincian pembangunan sebenar (contoh :- pembangunan di atas plot " pembangunan akan datang ")
- ❧ Pembangunan yang melibatkan perubahan matan kepada penggunaan tanah dan bangunan



❧ Bagaimana Untuk Mendapat **KEBENARAN MERANCANG**

Permohonan hendaklah dikemukakan melalui unit OSC MP Kemaman di kaunter (tingkat 2) dengan menyertakan :-

- Borang A
- Fee
- Dokumen-dokumen yang berkaitan

Sila rujuk senarai semak permohonan di mpk.terengganu.gov.my

Atau di alamat :-

**Unit Pusat Setempat,
Majlis Perbandaran Kemaman,
Jalan Air Putih,
24000 Kemaman, Terengganu.**

❧ Tempoh Lanjutan **KEBENARAN MERANCANG**

Sesuatu kebenaran merancang akan diserahkan beserta dengan sijil dalam tempoh sahlaku selama 12 bulan daripada tarikh yang diberi, melainkan ia mendapat kelulusan perlanjutan.